



KENYATAAN MEDIA

**YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN EXCO
KESIHATAN, SAINS, ALAM SEKITAR DAN
TEKNOLOGI HIJAU KERAJAAN NEGERI PERAK**

**PEMERIKSAAN BERSEPADU PELBAGAI
AGENSI DI TAPAK PROJEK “PROPOSED AGRO
FARMING ON PART OF PT 24738 AND PT 24739
WITH A TOTAL AREA OF 121.71 HECTARES
(300.75 ACRES), MUKIM SUNGAI RAIA, DAERAH
KINTA, PERAK DARUL RIDZUAN”, MILIK
TETUAN OBOR HASIL**

KENYATAAN MEDIA

**YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN
EXCO KESIHATAN, SAINS, ALAM SEKITAR DAN
TEKNOLOGI HIJAU KERAJAAN NEGERI PERAK**

**PEMERIKSAAN BERSEPADU PELBAGAI AGENSI DI TAPAK
PROJEK “PROPOSED AGRO FARMING ON PART OF PT 24738
AND PT 24739 WITH A TOTAL AREA OF 121.71 HECTARES (300.75
ACRES), MUKIM SUNGAI RAIA, DAERAH KINTA, PERAK DARUL
RIDZUAN”, MILIK TETUAN OBOR HASIL.**

IPOH, 03 JUN 2021 – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan (Jabatan Pengairan dan Saliran, PLANMalaysia, Pejabat Daerah dan Tanah Batu Gajah, Jabatan Perhutanan) yang berkepentingan pada hari ini melaksanakan pemeriksaan bersepadu di tapak projek “*Proposed Agro Farming On Part Of PT 24738 and PT 24739 With A Total Area Of 121.71 Hectares (300.75 Acres), Mukim Sungai Raia, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan*”, milik syarikat Obor Hasil Sdn. Bhd. Pemeriksaan bersepadu ini diadakan setelah sekian lama pihak syarikat telah diberi peluang dan ruang bagi mematuhi segala undang-undang dan peraturan berkaitan pembangunan pertanian yang tidak diendahkan sehingga menimbulkan aduan awam dan mencemarkan Sungai Raia di kawasan tapak projek.

Jabatan Alam Sekitar Perak telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dalam tempoh masa lebih setahun di mana pihak penggerak projek masih belum dapat mengemukakan laporan EIA sehingga kini untuk kelulusan.

Dalam tempoh lebih setahun dengan tiada kelulusan laporan EIA pihak penggerak projek telah memperluaskan kawasan agro tani tersebut sehingga hampir 40%, di mana kerja tanah telah dijalankan tanpa

sebarang kelulusan daripada masa-masa agensi kerajaan di Negeri Perak. Penerokaan tersebut telah menyebabkan pencemaran alam sekitar yang serius terutamanya isu-isu kelodakan yang telah berlaku di sepanjang Sungai Raia yang mengalir melalui tapak projek.

Jabatan Alam Sekitar Perak pada hari ini akan menyitar kawasan tapak setelah mendapat Perintah Larangan di bawah Seksyen 34AA, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana penggerak projek melaksanakan projek tanpa kelulusan laporan EIA di bawah Seksyen 34A(6) dan telah menyebab berlakunya pencemaran besar-besaran terhadap Sungai Raia dan alurair-alurair kepada Sungai Raia.

Syarikat Obor Hasil juga akan didakwa ke mahkamah kerana melanggar Seksyen 34A(6), AKAS 1974 dan akan didenda di bawah Seksyen 34A(8), akta yang sama dengan denda RM500,000.00 atau 5 tahaun penjara atau kedua-duanya sekali atau jika dikeluarkan Notis Arahan dan kegagalan mematuhi notis akan didenda RM1,000.00 setiap hari kesalahan.

Lot PT 24738

Gambar pada 12 Julai 2018 (Siasatan tapak)

Gambar 1: Pemukaan Tanah bercerun terdedah



Gambar 2: Pemukaan Tanah bercerun terdedah



Gambar 3 :Tiada Kawalan Air Larian Permukaan



Gambar 4: Tiada Kolam Kelodakan disediakan, kelodakan terus memasuki alur air



Gambar 5: Tiada Kolam Kelodakan disediakan, kelodakan terus memasuki alur air



Gambar 6: Tiada penstabilan cerun, cerun-cerun dibuat terlalu curam



Gambar 7: Tiada penstabilan cerun, cerun-cerun dibuat terlalu curam



Gambar 8: Overburden tidak diuruskan dengan betul dan ditolak menimbus alur air



Gambar 9: Overburden tidak diuruskan dengan betul dan ditolak menimbus alur air



Gambar 10: Rumah Pekerja




Gambar 13: Dua buah Genset ditemui dan tiada kelulusan Notifikasi dari JAS.



Gambar 14: Semua permukaan tanah yang dibuka tidak dibuat penstabilan sementara mahu pun ditutup dengan tanaman tutup bumi.



Gambar 15: Tiada kawalan air larian permukaan dilaksanakan dan jalan-jalan pembinaan telah menjadi seperti parit yang membawa kelodakan ke alur air.



Gambar 16: Tiada penstabilan cerun dilaksanakan, semua cerun potong (cut slope) tidak mengikut standard dan semua cerun tambak (fill slope) tidak dibuat mengikut kaedah yang betul.



Gambar 17: Overburden dari kerja-kerja tanah tidak diuruskan dengan betul dan ditolak terus ke kawasan cerun yang di bawahnya terdapat alur air yang terus menumbus alur-alur air.



Gambar 18: Sebuah bukit yang dalam tapak projek telah digondolkan tanpa sebarang langkah kawalan hakisan dan kelodakan




Gambar pada 09 Mac 2021 (Siasatan tapak)

Gambar 19: Pembukaan tanah baru di antara dua bukit yang mana dihujungnya terdapat alurair ke Sungai Raia.



Gambar 20: Hakisan Gully yang wujud di permukaan cerun akibat tiadanya system perparitan yang sempurna.



Gambar 21: Pembukaan kawasan baru yang melibatkan sebuah bukit dan telah dibina bangunan di atasnya.




Gambar 22: Pembukaan kawasan baru yang melibatkan rizab Sungai Raia.




Gambar 23: Jentera berat yang ditemui di tapak yang memberhentikan kerja semasa siasatan dijalankan.



Gambar 24: Permukaan cerun yang tidak ditanam dengan tanam tutup bumi mengalami hakisan rail dan gully serius.



Gambar 25: Hakisan rail yang ditemui di kawasan kerja tanah yang ditinggalkan .



Gambar 26: Hakisan Gully yang terbentuk di kawasan kerja tanah yang ditinggalkan.



Gambar 27: Hakisan Gully yang terbentuk diserata kawasan kerja tanah yang ditinggalkan.



GAMBAR FOTO DI LOT PT 24739

Gambar 28: Pembukaan tanah di kawasan baru hingga ke rizab Sungai Raia.



Gambar 29: Pembukaan tanah di kawasan baru di kawasan rizab Sungai Raia.



Gambar pada 03 Jun 2021 (Siasatan tapak)

Gambar 30: Perintah Larangan ditampal di lot PT 24739 dan jalan masuk ke kawasan kerja tanah dikondon.





-TAMAT-